




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 409 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 40,263 kes. Tiada kematian direkodkan pada hari ini.
- 2 Pada hari ini, seramai 337 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 36,785 orang. Sejumlah 2,538 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 653 orang di hospital dan 1,885 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 66 orang dan 18 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beluran berubah dari zon kuning ke zon jingga. Manakala Daerah Semporna bertukar dari zon merah ke zon jingga.

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 409 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 251 kes (61.4%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 81 kes (19.8%), saringan rentas negeri 11 kes (2.7%), saringan kluster-kluster sedia ada 10 kes (2.4%), dan 56 kes (13.7%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,001 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,590 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,591 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 38.51%.

#### **B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga hari ini, sebanyak **314,611** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

#### **C. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 236 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan (9) buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19 dan baki 227 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

#### **D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **95%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	95%
2	Kota Belud	95%
3	Kinabatangan	95%
4	Kudat	95%
5	Beaufort	95%
6	Kunak	95%
7	Semporna	95%
8	Papar	95%
9	Kota Marudu	95%
10	Beluran	95%
11	Ranau	95%
12	Tuaran	95%
13	Keningau	95%
14	Tenom	95%
15	Kota Kinabalu	95%
16	Penampang	95%
17	Sandakan	95%
18	Lahad Datu	95%
19	Tawau	95%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan kompaun RM1000.00 di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988).
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

## **E. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)**

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis di lima (5) daerah iaitu Tawau, Keningau, Lahad Datu, Kudat dan Semporna.
- 2 Hebahen umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 63 lokasi di tujuh (7) daerah. Hebahen dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

**Berdasarkan laporan ini, saya ingin mengingatkan seluruh rakyat Sabah agar jangan lalai dan jangan terlalu selesa. Jika tiada keperluan mendesak, duduklah di rumah dan luangkan masa hujung minggu anda bersama keluarga tersayang. Elakkan berkunjung ke tempat yang sesak, kawasan yang sempit dan elak bersempang jarak dekat dengan orang lain.**

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**  
9 Januari 2021